



SIARAN MEDIA

PENGIKTIRAFAN DELTA SARAWAK SEBAGAI GEOPARK KEBANGSAAN

Delta Sarawak telah diiktiraf sebagai Geopark Kebangsaan yang keenam di bawah Program Pembangunan Geopark Kebangsaan yang diterajui oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA). Pengiktirafan ini telah dibuat pada 20 Jun 2022 semasa Mesyuarat Jawatankuasa Geopark Kebangsaan Bilangan 1 Tahun 2022.

Berkeluasan 3,112 km persegi, Geopark Kebangsaan Delta Sarawak kaya dengan keunikan landskap batuan (28 geotapak), kepelbagaian biologi (12 biotapak) dan budaya (14 tapak budaya). Daripada 28 geotapak tersebut, 12 bertaraf antarabangsa, 8 bertaraf kebangsaan dan 8 bertaraf tempatan.

Pelawat yang mengunjungi Geopark ini akan dapat melihat formasi rupa bumi yang didasari oleh pelbagai jenis unit yang berusia, daripada karbon hingga resen; kepelbagaian biodiversiti dengan spesies endemik di Borneo seperti Orang Utan, Orang Belanda (Proboscis Monkey) dan Cicak Batu Fairy (Fairy Rock Gecko); dan kekayaan warisan budaya dari seni bina, peralatan muzik, senjata sehingga kepada makanan yang terhasil daripada kewujudan masyarakat berbilang kaum.

Pengiktirafan ini adalah satu lagi pencapaian Negara, khususnya Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam pemeliharaan kelestarian alam semula jadi dan pengurusan mampan kawasan berkepentingan kebangsaan yang memiliki nilai geotapak luar biasa (geosite of extraordinary values) seiring dengan Agenda Pembangunan Nasional dan Matlamat Pembangunan Mampan 2030 di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Kementerian percaya bahawa kerjasama erat yang terjalin antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri ini dapat memastikan Geopark Kebangsaan diurus secara baik. Di samping itu, usaha berterusan untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat setempat khususnya di dalam kawasan dan sekitar wilayah Geopark Kebangsaan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan melalui penglibatan masyarakat tempatan dalam pelbagai aktiviti dan program pembangunan geopark.

Pengiktirafan keenam ini adalah selepas Geopark Lembah Kinta dan Geopark Lenggong, Perak; Geopark Kebangsaan Jerai, Kedah; Geopark Kebangsaan Kinabalu, Sabah; dan Geopark Kebangsaan Labuan, Wilayah Persekutuan Labuan.

**YB. DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

23 JUN 2022

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



KeTSAMalaysia



[ketsa.malaysia](https://www.instagram.com/ketsa.malaysia)